


**BERITA ONLINE**  
**UTUSAN BORNEO ONLINE**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2022**



## MOSTI umum senarai pemenang MYHackathon 2022 Kohort 2



CYBERJAYA: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini telah mengumumkan senarai para pemenang bagi program MYHackathon 2022 Kohort 2.

Majlis penutupan program itu disempurnakan oleh Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Dr. Aminuddin Hassim.

Mengekalkan tema 'Hackathon Nasional Untuk Malaysia Inklusif', program yang telah dilancarkan pada 22 November 2022, kini melabuhkan tirainya setelah dua minggu menjalani kem intensif dan sesi bimbingan.

Empat pemenang bagi setiap pernyataan masalah yang dikemukakan akan menerima RM250,000, selain bakal bekerja secara rapat dengan pemilik pernyataan masalah bagi memperhalusi rancangan pelaksanaan solusi untuk tempoh 12 bulan akan datang.

Dalam ucapannya, Aminuddin menekankan peningkatan kualiti yang memberangsangkan bagi hampir kesemua penyertaan yang diterima.

Katanya, ia diterjemahkan melalui idea dan solusi yang praktikal dan inovatif untuk dilaksanakan di peringkat nasional.

Jelasnya, hal ini secara tidak langsung mampu meningkatkan lagi servis perkhidmatan Kerajaan serta menambah baik sistem sedia ada.



“MYHackathon 2022 Kohort 2 juga berjaya mengumpulkan lebih daripada 268 penyertaan daripada seluruh negara yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kepakaran,” katanya.

Sementara itu, menurut Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Cradle, Norman Matthieu Vanhaecke, Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) selaku agensi pelaksana bagi inisiatif MYStartup dan program MYHackathon 2022 akan terus memberi sokongan kepada semua startup di Malaysia dan membimbing mereka daripada peringkat idea sehingga peringkat pengkomersialan.

“Cradle akan terus mendukung aspirasi Kerajaan untuk menjadi sebagai salah satu daripada 20 ekosistem startup terbaik di dunia menjelang 2030 di bawah Pelan Halatuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030,” ujarnya.

MYHackathon 2022 Kohort 2 merupakan satu daripada pelbagai program di bawah satu inisiatif nasional iaitu MYStartup yang telah dilancarkan pada tahun lalu bagi menyokong dan membantu startup di peringkat awal untuk memacu perkembangan perniagaan mereka menerusi program-program pembangunan kapasiti.

Sehingga hari ini, lebih daripada 5,000 startup dan individu telah menerima manfaat daripada inisiatif ini baik dalam bentuk perkongsian ilmu, sesi bimbingan bahkan geran pembangunan.

Terdahulu, sebanyak empat pernyataan masalah telah dikemukakan oleh pihak kementerian, dan agensi-agensi kerajaan untuk memperbaiki proses dan masalah mereka.

Antaranya, Kementerian Pendidikan Malaysia yang mengemukakan pernyataan masalah berkaitan solusi pengurusan digital membantu meningkatkan budaya membaca murid dari pelbagai kategori.

Sementara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), solusi membantu memantau kesihatan pesakit buah pinggang kronik secara menyeluruh; Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, solusi teknologi memupuk amalan hijau melalui kebun komuniti, pengurusan 3K dan sistem ganjaran ke arah meningkatkan kualiti persekitaran yang bersih, indah dan sejahtera.

Manakala Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan berkaitan solusi teknologi untuk menangani konflik manusia dan hidupan liar di kawasan sektor agromakanan.

Kesemua peserta telah menjalani sesi bootcamp selama dua minggu dan sesi pementoran secara one-to-one daripada mentor bertaraf dunia sebelum 20 finalis dipilih bagi sesi penyampaian peringkat akhir di Rekascape, Cyberjaya semalam.

MYHackathon 2022 melabuhkan tirainya untuk tahun 2022 dan menyaksikan lebih 700 penyertaan dari individu berkumpulan dan startup.

Hal ini secara tidak langsung memberi gambaran bahawa landskap ekosistem startup dan pendigitalan negara semakin berkembang dan memupuk startup di Malaysia supaya lebih mampan dan berdaya saing.